

Limpahan minyak sawit cemari Sungai Gombak

BH 23/4/08

GOMBAK: Kira-kira 12,000 penduduk di sekitar 13 kawasan di daerah ini dijangka mengalami masalah bekalan air hari ini, selepas hampir 2,000 gelen minyak kelapa sawit melimpah ke Sungai Gombak, Batu 12, di sini, malam kelmarin.

Limpahan minyak itu disebabkan kemalangan membabitkan sebuah lori tangki yang membawa muatan bahan mentah berkenaan di Kilometer 31, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, kira-kira jam 8.30 malam kelmarin.

Berikutan itu, Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) menutup Loji Penapisan Sungai Gombak, berhampiran, kira-kira setengah jam kemudian, bagi mengelak tumpahan minyak mencemari tangki utama di Pusat Rawatan Air Gombak.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemudahan Awam dan Infrastruktur Selangor, Datuk Abdul Fatah Iskandar, berkata sehingga kini minyak yang tumpah hanya menjejaskan kawasan sungai sepanjang lima kilometer dan tiada pencemaran dikesan pada tangki sedutan di Loji Air Gombak.

Walaupun tiada pencemaran pada tangki, loji berkenaan perlu ditutup untuk memudahkan kerja pember-

sihan sisa minyak di sepanjang sungai itu, selain mengelak minyak berkenaan melimpah masuk ke tangki utama.

“Berikutan itu, penduduk sekitar 13 kawasan akan mengalami gangguan bekalan air. Antaranya sekitar Batu 6 hingga Batu 10 serta Batu 12 di Jalan Gombak dan Hospital Jabatan Orang Asli di Batu 12.

“Selain itu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kawasan Sungai Chinchin, Sungai Pusu, Sekolah Menengah Al-Amin, Sekolah Menengah Sungai Pusu, Kampung Sungai Salak, British Malaysia Institute, Tol Karak dan Sekolah Menengah Teknik Gombak, juga dijangka turut terjejas,” katanya.


FAKTA NOMBOR

12,000

Penduduk dijangka menerima kesan

13

Kawasan mungkin terjejas



KERJA PEMBERSIHAN: Dua pekerja Puncak Niaga memasang perangkap minyak di Sungai Rumput Mati berikutan tumpahan minyak dari lori tangki minyak sawit yang terbalik di kawasan itu, semalam.